



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 22

30hb Oktober 2003

*TAMBAHAN No. 107
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 401.

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (PENGKOMPANAN
KESALAHAN) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 29H Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Pengkompanaan Kesalahan) 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2003.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. Kesalahan yang berikut boleh dikompaun oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendaftar:

- (a) kesalahan di bawah subseksyen 5F(2), 9E(3), 9F(2), 9G(4), 11(2), 16(2), 18(2), 19(4) dan 25(1) Akta; dan
- (b) kesalahan di bawah subperaturan 3(2), 5(4), 6(4) dan 6(10) Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 [P.U. (A) 400/2003].

Cara mengkompaun

3. (1) Setelah menerima maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, mana-mana orang yang disebut dalam peraturan 2 boleh mengeluarkan suatu notis untuk mengkompaun kesalahan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh jumlah yang ditawarkan itu telah dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya akan diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

4. (1) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan telah dibuat dan diterima, pembayaran boleh dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pendaftar Pemberi Pinjam Wang dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(2) Pembayaran boleh dibuat atau diserahkan sendiri kepada orang yang diberi kuasa untuk membuat tawaran untuk mengkompaun, atau jika dihantar melalui pos, hendaklah dialamatkan kepada alamat yang dinyatakan dalam notis kompaun itu.

(3) Setiap pembayaran yang diterima hendaklah dianggap kepunyaan Pendaftar Pemberi Pinjam Wang dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi pembayaran itu kepada orang yang terhadapnya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

JADUAL

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2003

[Peraturan 3]

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:

Saya telah menerima suatu maklumat/aduan bahawa anda telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan perundangan berkaitan

Tarikh Masa pagi/petang*

Tempat

Butir-butir kesalahan:

.....
.....
.....

2. Anda dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang terletak hak pada saya oleh Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Pengkompunan Kesalahan) 2003 saya bersedia, dan menawarkan

untuk mengkompaun kesalahan itu sebanyak RM (Ringgit:).

Jika tawaran ini diterima, pembayaran boleh dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pendaftar Pemberi Pinjam Wang dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan sendiri kepada saya di alamat yang berikut:

.....
.....
.....

Pembayaran melalui pos hendaklah dialamatkan ke alamat di atas.

Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran dibuat.

3. Tawaran ini akan habis tempoh pada
Jika pembayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum tarikh tersebut, prosiding selanjutnya tidak akan diambil terhadap anda berhubung dengan kesalahan ini. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh#
*Pendaftar/Pegawai
Pengkompau*

Pendaftar Pemberi Pinjam Wang,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

.....
.....
.....

Saya merujuk kepada notis tawaran untuk mengkompau dengan rujukan
dan bertarikh Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompau itu dan disertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No. *
sebanyak RM (Ringgit:) sebagai penyelesaian penuh kompaun itu.

Tandatangan

Nama (huruf besar):

.....

No. K.P.:

Jawatan

No. Tel:

Syarikat:

No. Pendaftaran:

Alamat:

.....

.....

No. Lesen Pemberi Pinjam Wang:

.....

Tarikh

* Potong yang tidak berkenaan.

Ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa untuk mengkompau yang nama dan jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangannya, jika kompaun ditawarkan oleh pegawai selain Pendaftar.

Dibuat 9 Oktober 2003

[KPKT(S) 01/861/3 Jld. V; PN(PU²)154/XIII]

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA